

24/04/2001

Usaha capai ekonomi mapan disokong

KUALA LUMPUR, Isnin - Pelbagai pihak menyokong Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) yang banyak memberi tumpuan kepada usaha mencapai pertumbuhan mapan, selain pengukuhan daya tahan ekonomi.

Orang ramai bersetuju dengan RM-8 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Parlimen, hari ini, yang bermatlamat menjadikan Malaysia sebagai negara maju dan bersatu padu menjelang 2020.

RM-8 adalah fasa pertama pelaksanaan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) bagi tempoh 10 tahun sehingga 2010, mengandungi Dasar Wawasan Negara (DWN) yang mensasarkan pertumbuhan mapan, mengukuhkan daya tahan ekonomi dan mewujudkan masyarakat bersatu padu dan saksama.

Tinjauan Berita Harian mendapati, orang ramai berharap RM-8 dapat menggiatkan perubahan struktur dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan serta menggiatkan sektor pertanian.

Pengurus Tabung Haji cawangan Pontian, Johor, Mohd Najib Ab Jabar, berkata RM-8 yang menyentuh isu kemasyarakatan memberi manfaat kepada rakyat Malaysia.

"Jika dilihat misi RM-8, ia banyak menyentuh pembangunan negara tanpa mengeneipkan struktur masyarakat dalam negara.

"Justeru, strategi yang dirangka bertujuan memberi peluang rakyat Malaysia hidup dalam keadaan selesa selain bergerak maju dalam setiap projek pembangunan masyarakat," katanya.

Eksekutif Pemasaran Seri Mestika Sdn Bhd, Md Dan Ibrahim, pula berkata dengan strategi memperluaskan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), ia mampu membangunkan negara ke tahap yang lebih maju.

Eksekutif pemasaran swasta, Peariasamy Aithan, berkata tidak ada sebab rakyat Malaysia tidak bersetuju dengan RM-8 kerana semua yang dirancang mempunyai faedah kepada majoriti rakyat negara ini.

"Agenda pembasmian kemiskinan yang dijangka diteruskan bertujuan untuk kesejahteraan rakyat pelbagai kaum biarpun lebih ke arah penyusunan semula masyarakat yang bersatu padu," katanya.

(END)